

## PENGGUNAAN STRATEGI PEMBELAJARAN BAHASA DALAM KALANGAN PELAJAR TINGKATAN DUA

RADHA NAMBIAR, NORAINI IBRAHIM & PRAMELA KRISH

### ABSTRAK

Penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar sekolah semakin merosot kebelakangan ini. Menurut Chapman (2006), seramai 20,000 pelajar Tahun Enam telah dikenal pasti mempunyai kemahiran literasi yang lemah. Kelemahan membaca dan menulis merupakan punca utama pencapaian yang sangat rendah. Keadaan ini menjadi pemangkin kajian untuk mengenalpasti faktor-faktor yang menyebabkan keadaan ini. Makalah ini adalah sebahagian daripada kajian kelompok payung yang menumpu perhatian kepada penggunaan strategi pembelajaran dalam kalangan pelajar-pelajar Tingkatan Dua di negeri Johor Darul Takzim. Seramai 315 orang pelajar dari tiga buah sekolah menengah kebangsaan di kawasan bandar dan luar bandar telah mengambil bahagian dalam kajian ini. Soal-selidik berkaitan dengan penggunaan strategi pembelajaran menjadi instrumen utama kajian ini dan perisian SPSS Versi 14 telah digunakan untuk menganalisis data. Temu duga secara tidak formal bersama pelajar dan guru dijalankan untuk mengukuhkan dapatan kajian. Dapatan kajian menunjukkan penggunaan strategi dalam kalangan pelajar tidak memberangsangkan dan strategi yang popular merupakan strategi-strategi yang tidak memerlukan pertimbangan dan pemikiran yang analitis. Sebagai penutup, makalah ini mengesyorkan beberapa cadangan untuk membaiki kelemahan kemahiran membaca dalam kalangan pelajar.

*Kata Kunci: Kemahiran Literasi, Strategi Pembelajaran, Kemahiran Membaca*

### ABSTRACT

According to Chapman (2006), about 20,000 Year Six pupils in schools have been identified as lacking in basic literacy skills. The poor performance of students, which was largely attributed to their being very weak in reading and writing, provided the impetus for a nesting of studies to investigate the reasons for this decline in standards amongst students. This article reports on one study that sets out to investigate the use of language learning strategies among secondary school students in the state of Johor Darul Takzim. A total of 315 students from three rural and urban national type schools participated in a survey and unstructured interviews were held with the students and teachers. Firstly, findings from the study indicate that the poor use of learning strategies could account for their weakness in reading. In addition, only certain strategies which did not require them to be analytical and critical were popular among the students. This article provides suggestions on how to arrest the continuing decline among students by providing them with the necessary strategies to facilitate their learning abilities.

*Key Words: Literacy Skills, Learning Strategies, Reading Strategies*

## PENGENALAN

Penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar sekolah semakin merosot kebelakangan ini. Menurut Chapman (2006), seramai 20,000 pelajar Tahun Enam telah dikenal pasti mempunyai kemahiran literasi yang lemah. Hal ini bermakna seramai 4% daripada pelajar tahun enam di negara ini masih sangat lemah dalam kemahiran membaca dan menulis dalam Bahasa Inggeris walaupun mereka sudah melalui enam tahun pembelajaran di bangku sekolah. Pencapaian yang lemah ini amat merunsingkan kerana Bahasa Inggeris (seterusnya BI) merupakan bahasa kedua di Malaysia dan bahasa yang penting dalam era globalisasi dan perdagangan pasaran terbuka. Keadaan ini juga sukar diterima kerana pembelajaran BI bermula dari darjah satu hingga ke tingkatan lima, dan merupakan mata pelajaran wajib untuk semua pelajar. Juga penekanan diberikan kepada kemahiran membaca, menulis, mendengar dan bertutur. Justeru, apakah keadaan sebenar yang berlaku dalam proses pembelajaran pelajar-pelajar kita?

Penguasaan bahasa seseorang pelajar bergantung kepada kebolehan membaca, menulis, mendengar dan bertutur, dan ini dapat dilihat daripada empat objektif dalamuraian Sukatan Pelajaran Bahasa Inggeris untuk pelajar Tingkatan Dua. Di antara objektif yang tersenarai ialah kebolehan memperolehi, memproses dan menggunakan maklumat daripada pelbagai sumber dan menyampaikannya sama ada dalam bentuk lisan ataupun penulisan. Pelajar juga dikehendaki mendengar, meneliti, membaca dan memberi maklum balas kepada beraneka jenis teks dan memberi pendapat secara kreatif dan imaginatif. Penelitian terhadap objektif-objektif tersenarai mewajarkan pelajar-pelajar dibekalkan kemahiran untuk menggunakan BI dalam proses sosialisasi akademik (membaca, menulis dan berucap) pada tahap-tahap yang ditentukan.

Namun demikian, pelajar masih menghadapi masalah dengan penguasaan BI terutamanya dengan kemahiran membaca dan menulis. Beberapa kajian telah dijalankan di Malaysia untuk mengenalpasti masalah yang selalu dikaitkan dengan kemahiran literasi yang rendah. Atan Long et.al. (1984), dalam satu kajian yang sangat penting dan berpengaruh, mendapati pelajar lebih suka membaca buku yang ditulis dalam bahasa etnik mereka. Hal ini bermakna kaum Melayu membaca buku Bahasa Melayu, kaum Cina buku Bahasa Cina dan kaum India buku Bahasa Tamil. Namun begitu, kajian Pandian (1997) pula mendapati ramai belia di Malaysia enggan membaca teks yang ditulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Dapatkan ini sangat memerlukan dan membimbingkan terutama sekali apabila kita mengambil kira tempoh tiga belas tahun antara kajian Atan Long (1984) dan Pandian (1997). Hal ini bermakna dalam masa

yang singkat sahaja, tabiat membaca dalam kalangan belia Malaysia telah berubah dengan mendadak sekali. Justeru, adalah tidak memerlukan bahawa dalam kajian Perpustakaan Negara Malaysia (1996), yang menumpu perhatian kepada tahap literasi penduduk Malaysia, dapatan kajian menunjukkan bahawa setiap warganegara Malaysia membaca hanya dua buah buku setahun.

Kajian Sarjit Kaur dan Rosy Thiagarajah (1999) untuk mengenalpasti tabiat dan persepsi membaca dalam kalangan pelajar universiti mendapati kemahiran membaca secara analitis dan kritik kurang dipraktikkan. Dapatan kajian ini menunjukkan pelajar hanya menghabiskan sebanyak 10 jam seminggu untuk membaca bahan-bahan seperti suratkhabar, majalah, e-mel, surat, buku komik dan lain lain. Hal ini jelas menunjukkan pelajar lebih gemar menghabiskan masa dengan bacaan yang tidak begitu membebankan. Ganakumaran, Koo dan Shahizah (2003) dalam kajian mereka, juga mendapati pelajar lebih berminat membaca bahan-bahan ringan seperti suratkhabar dan majalah sahaja.

Jikalau kita menghubungkaitkan laporan Chapman (2006), kajian Perpustakaan Negara (1996) dan dapatan Pandian (1997), kita dapat simpulkan bahawa membaca dalam apa juapun, bukanlah satu perkara yang penting bagi warganegara kita. Kajian Sarjit et.al (1999) dan Ganakumaran et.al (2003) jelas menunjukkan bahawa warga Malaysia yang berminat untuk membaca tidak berminat pula dengan bacaan yang terarah kepada penjanaan ilmu pengetahuan. Justeru apakah yang sedang berlaku dalam masyarakat kita? Bagaimana harus kita bina K-ekonomi jikalau penjanaan ilmu dianggap enteng? Seterusnya, apakah implikasi kajian-kajian tersebut untuk program dan peranan pembacaan di sekolah? Adakah dapatan-dapatan ini berhubungkait dengan budaya persekolahan masa ini yang memberi tumpuan yang khusus kepada pembacaan untuk peperiksaan sahaja?

Permasalahan di atas menggambarkan seolah-olah suasana dan prasarana sekolah yang seharusnya memupuk budaya membaca kurang berjaya untuk melaksanakan amanah ini. Atas kesedaran ini, Kementerian Pelajaran Malaysia telah memperkenalkan dua program pada tahap sekolah rendah, iaitu Program pemilihan membaca, menulis dan mengira (Protim) dan Kelas intervensi awal membaca dan menulis (KIA2M). Langkah-langkah ini yang mungkin boleh diiktiraf sebagai langkah pemulihan untuk memupuk kemahiran bahasa dan matematik dalam kalangan pelajar dari alam persekolahan rendah. Namun begitu, dasar yang umum itu tidak berusaha untuk mengenalpasti permasalahan sebenar dan faktor-faktor yang membantutkan

proses membaca pelajar dan langkah-langkah yang diambil oleh para guru. Inilah penggerak utama kajian ini yang diharap dapat mendedahkan keadaan sebenar.

Bahagian berikut akan membincangkan kepentingan kemahiran membaca dan pengaruh persekitaran atas proses membaca. Ini akan diikuti dengan huraihan kepentingan strategi membaca sebagai satu faktor yang boleh memanfaatkan perkembangan literasi dalam kalangan belia.

## **TINJAUAN LITERATUR**

### **Kepentingan Membaca**

Keupayaan membaca merupakan satu alat dan aset pembelajaran yang efektif kerana memberi kuasa kepada seorang pelajar untuk membuat keputusan yang tepat dalam meningkatkan proses pembelajaran dan pemikiran. Seorang pembaca yang efektif dapat memahami dan menilai teks yang dibaca dengan mengaktifkan skema prosedur dan isi kandungan skema yang sedia ada padanya. Proses membaca merupakan proses kognitif yang dialami secara individu. Proses kognitif ini penting untuk membantu mempertingkat pembacaan (Nambiar 2005; Urquhart & Weir 1998; Della 1998).

Membaca mempertingkat dan menajamkan pengetahuan seorang pelajar. Membaca juga membantu pelajar untuk menimba ilmu daripada sumber-sumber alternatif. Juga, asas pembacaan yang baik merangkumi kebolehan membaca, mensintesis dan mengkritik. Dari itu, penguasaan bahasa yang baik membolehkan pelajar untuk menjadi pelajar yang berautonomi. Justeru, membaca membantu pelajar-pelajar menjadi lebih berkeyakinan dan bermotivasi. Proses membaca juga memerlukan penggunaan strategi yang tepat dan efektif untuk memastikan pelajar dapat memahami teks dan seterusnya mengunapakai ilmu yang tersurat dan tersirat.

Selain dari proses kognitif, proses membaca juga boleh dilihat sebagai proses sosial di mana suasana di rumah, sekolah dan komuniti juga boleh mempengaruhi bagaimana pelajar membaca (Wallace 1992; Cairney 1990). Kajian menunjukkan bahawa prasarana di rumah merupakan satu lagi faktor penting dalam memupuk tabiat membaca. Dapatkan ini sangat penting apabila kita meninjau persoalan keupayaan dan kecenderungan terhadap membaca. Wallace (1988: 15) mengingatkan bahawa “membaca adalah aktiviti semula jadi untuk mereka yang dibesarkan dalam keluarga yang mementingkan literasi”. Jika ini diamati, kita boleh membuat kesimpulan bahawa dalam masyarakat majmuk di Malaysia, perbezaan bahasa ibunda

mewujudkan keperluan membaca dalam Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Bahasa Mandarin dan Bahasa Tamil.

Dengan perkataan lain, konsep literasi di negara kita yang berbilang bahasa ini menjurus kepada kemahiran membaca yang umum dan setara. Ini memberi andaian bahawa jikalau pembacaan seorang pelajar dapat dipertingkatkan dalam satu bahasa, peningkatan ini akan memberi kesan kepada penguasaan dalam bahasa lain (Cohen 1998; Aebersold & Field 1997). Pihak sekolah boleh memainkan peranan penting dengan memastikan pelajar memahami kepentingan kemahiran membaca dan menggalakkan mereka menggunakan kemahiran ini dalam apa jua bahasa yang mereka ingin gunakan. Cara yang paling berkesan untuk melakukan ini ialah dengan membantu pelajar mengaplikasi proses dan strategi membaca yang dapat memanfaatkan kemahiran membaca mereka.

## KERANGKA KONSEPSUAL

### Proses membaca

Membaca merupakan aktiviti persendirian yang lazimnya berlaku dalam minda seorang pembaca. Membaca adalah satu proses kognitif yang penting untuk menentukan keberkesanannya proses membaca. Proses membaca boleh diibaratkan sebagai pengembaraan yang dilalui seorang pembaca dalam sebuah teks. Seharusnya dalam pengembaraan ini, pembaca berinteraksi dengan teks dengan mengaktifkan skema-skema yang ada untuk memahami isi kandungan teks tersebut. Justeru, timbul soalan, apakah yang biasa dilakukan oleh pembaca apabila berhadapan dengan sebuah teks?

Kajian menunjukkan bahawa seorang pembaca yang baik akan memulakan proses membaca dengan memfokus kepada tajuk teks untuk mendapatkan gambaran dan pemahaman awam dan sekali gus mengaktifkan skema (Nambiar 2005). Sejajar dengan ini, dibantu daya penglihatan, teks akan diproses sedikit demi sedikit bermula daripada interpretasi makna setiap perkataan (dalam konteks yang bersesuaian) dan berkembang kepada frasa dan seterusnya ayat dan merentas ayat. Pembaca ini akan memproses setiap ayat dalam teks secara berasingan dan kadangkala pula apabila timbul kesamaran makna, semakan akan dilakukan untuk melihat sama ada ayat-ayat yang digabungkan mengandungi maklumat yang sama atau maklumat tambahan. Dengan cara ini pemahaman teks yang tepat boleh dicapai.

Dalam menyusuri proses ini, pembaca bergantung kepada pengetahuan tatabahasa, leksis dan struktur teks. Justeru, seorang pembaca yang baik akan menginterpretasikan teks secara berkembang, yakni sedikit demi sedikit dan setiap interpretasi akan membantunya memahami teks dengan lebih mendalam. Proses pembacaan ini adalah siklik dan revisionari dimana proses menginterpretasi teks dikembangkan pada beberapa tahap.

Proses menginterpretasi dan memahami maklumat dalam teks melibatkan penggunaan strategi-strategi yang tepat dan sesuai. Namun begitu, kebanyakan kajian pembacaan di Malaysia telah memfokus kepada mengenal pasti persepsi dan tabiat pembaca di sekolah (Pandian 1997). Dengan adanya jurang ini, maka adalah perlu bagi kita mengenal pasti strategi-strategi yang digunakan oleh pelajar dalam membina pemahaman teks. Ini akan memberikan kita wawasan tentang proses pembacaan.

### **Strategi membaca**

Strategi membaca merujuk kepada pelbagai cara yang digunakan untuk memproses teks dan ini bergantung kepada jenis teks, objektif membaca dan konteks. Dalam hal ini, penggunaan strategi banyak membantu pelajar dalam pemahaman teks. Block (1986: 465) menyatakan bahawa strategi membaca ialah “cara pembaca memahami tugas, petunjuk teks yang mereka gunakan, cara mereka memberi makna kepada apa yang dibaca dan apa yang mereka lakukan apabila mereka tidak memahami teks”.

Terdapat beberapa kajian yang mengenalpasti strategi yang digunakan oleh pelajar yang berjaya dan tidak berjaya. Hosenfeld (1977) menggunakan protokol lafaz-fikir mengenal pasti strategi yang digunakan oleh pelajar yang berjaya dan kurang berjaya. Hosenfeld seterusnya mendapati pembaca yang berjaya mengingati makna teks semasa membaca, baca secara holistik, meninggalkan perkataan-perkataan yang kurang penting dan mempunyai konsep kendiri pembaca yang positif. Bagaimanapun, pembaca yang tidak berjaya lazimnya tidak dapat mengenalpasti makna ayat selepas membaca, membaca frasa yang pendek, membaca semua perkataan dan mempunyai konsep kendiri yang negatif.

Block (1986) juga menggunakan protokol lafaz-fikir kepada pembaca yang kurang baik dan mengenal pasti empat ciri-ciri yang wujud - mengintegrasikan, mengenali aspek struktur teks, menggunakan pengetahuan am, menghubung kait apa yang dibaca dengan pengalaman sendiri secara refleksi atau merenung kembali. Dalam mod refleksi juga, pembaca menyimpang

daripada maklumat dalam teks dan memberi tumpuan kepada perasaan dan fikiran sendiri. Sementara itu dalam mod ekstensif pembaca akan memberi fokus kepada memahami mesej dalam teks dan tidak mengaitkan teks tersebut kepada diri mereka sendiri.

Dalam konteks Malaysia, terdapat beberapa kajian yang mendapati bahawa tahap kemahiran memberi kesan kepada penggunaan strategi seorang pelajar. Nambiar (1998) mengkaji kumpulan pelajar mengikut kemahiran bahasa untuk memahami proses membaca mereka. Pelajar daripada jurusan sastera dan sains sosial terutamanya pelajar sarjana muda Pengajian Bahasa Inggeris (BAELS) menjadi fokus kajian ini. Kajian ini berasaskan protokol lafaz-fikir, temuduga dan analisis dokumen. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa pelajar yang mahir menggunakan bukan sahaja pelbagai strategi untuk memahami teks tetapi kaedah penggunaan juga berbeza, yakni lebih mendalam. Sebagai contoh, apabila pelajar ini membaca, beliau akan cuba menghubungkait isi teks dengan skema kandungan teks yang ada dalam minda dan proses ini akan berulangan. Dalam kes pelajar yang kurang mahir pula, jenis strategi yang digunakan adalah terhad, dan penggunaannya juga sangat dangkal. Maka, jelaslah bahawa tahap kemahiran BI menentukan penggunaan strategi dalam kalangan pelajar ini.

Dalam usaha untuk mengkaji proses sosialisasi akademik pelajar di universiti, satu kajian telah dilakukan di Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia. Noraini Ibrahim (1998) telah mengkaji proses pembacaan satu jenis genre, iaitu kes undang-undang yang merupakan bahan bacaan wajib pelajar-pelajar tahun satu. Kajian etnografik ini telah memberi tumpuan kerana pendekatan dwibahasa (Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia) yang diamalkan. Data etnografik dikumpul melalui pemerhatian sesi-sesi tutoran dan kuliah, temu duga dan pengumpulan dokumen-dokumen yang berkaitan.

Pemerhatian dilakukan untuk melihat sejauh mana kefahaman pelajar-pelajar terhadap kes-kes yang dibaca sama ada pelajar dapat mengaplikasikan kefahaman ini dalam tugas mereka melalui situasi-situasi kes-kes tertentu. Keupayaan melakukan tugasan-tugasan ini berkait secara langsung kepada sama ada pelajar-pelajar ini mempunyai strategi-strategi membaca yang betul. Hal ini juga merujuk kepada sama ada mereka mempunyai strategi-strategi yang diperlukan dan ini bergantung kepada pendedahan kepada cara pembacaan yang efektif untuk teks dan tugas yang tertentu. Sesi-sesi temu duga dijalankan dengan para pelajar, pensyarah dan Dekan (sebagai *gatekeeper*) serta pengamal undang-undang selaku informan yang sahih untuk keperluan membaca.

Kajian ini telah mendapati bahawa pelajar-pelajar kurang berjaya dalam pembacaan kes kerana tahap penguasaan BI yang lemah, strategi membaca yang kurang efektif dan kegagalan mereka untuk mengenal pasti kes sebagai satu genre. Akhirnya, mereka juga didapati gagal untuk menghayati objektif sebenar kes undang-undang.

Justeru itu kosa ilmu yang dibincangkan menunjukkan bahawa terdapat suatu hubungan yang ketara antara penggunaan strategi dan tahap kemahiran seorang pelajar. Kajian Hosenfeld (1977) dan Block (1986) menunjukkan pelajar yang mahir membaca menggunakan strategi-strategi tertentu untuk menolong mereka memahami sebuah teks secara mendalam. Nambiar (1998) dan Noraini Ibrahim (1998) juga mendapati pelajar yang berjaya biasanya mempunyai penggunaan strategi yang baik sementara pelajar yang kurang berjaya menggunakan strategi secara kurang efektif. Kesimpulan yang boleh dibuat di sini ialah ada perhubungan di antara kemahiran membaca seorang pelajar, penggunaan strategi dan tahap penguasaan bahasanya. Dalam makalah ini, perbincangan akan ditumpukan kepada penggunaan strategi dalam kalangan pelajar.

### **OBJEKTIF KAJIAN**

Makalah ini bertujuan mengenalpasti jenis dan kumpulan strategi pembelajaran bahasa yang digunakan oleh pelajar Tingkatan Dua di Johor Darul Takzim, di samping faktor-faktor yang menentukan penggunaan ini.

### **METODOLOGI**

Seramai 315 pelajar Tingkatan 2 dari tiga sekolah menengah harian di kawasan luar bandar, daerah Kulai telah mengambil bahagian dalam kajian ini. Di samping itu, beberapa orang guru dan pelajar telah ditemui bual secara tidak formal untuk mendapat persepsi tentang persekitaran pembelajaran pelajar-pelajar ini.

Pengumpulan data dilakukan melalui borang soal selidik yang dibina oleh penyelidik berpandukan inventori strategi pembelajaran yang sedia ada (Oxford 1990). Pelajar dikehendaki menggariskan butiran diri sendiri seperti jantina, bangsa, agama, pekerjaan ibu bapa, dan pendapatan keluarga di samping menyatakan tahap penguasaan BI dan Bahasa Melayu. Selain itu, pelajar dikehendaki menyatakan sama ada mereka menyertai kelas bimbingan Bahasa Inggeris. Soal selidik memfokus kepada strategi pembelajaran bahasa yang boleh digunakan oleh pelajar untuk memudahkan pembelajaran bahasa. Terdapat 12 soalan di bahagian ini dan pelajar

diminta membulatkan jawapan untuk setiap soalan. Skala Likert digunakan untuk jawapan dan pelajar dikehendaki membulatkan 1, 2, 3 atau 4. Jadual di bawah menunjukkan skala yang digunakan dan penghuraianya.

- |   |  |
|---|--|
| 1 | Strategi ini <i>selalu</i> digunakan oleh pelajar        |
| 2 | Strategi ini <i>biasa</i> digunakan oleh pelajar         |
| 3 | Strategi ini <i>kadang-kadang</i> digunakan oleh pelajar |
| 4 | Strategi ini <i>tidak pernah</i> digunakan oleh pelajar  |

Soalan-soalan juga diklasifikasikan mengikut kumpulan strategi mengikut taksonomi Oxford (1990). Menurut Oxford (1990), strategi pembelajaran bahasa merangkumi beberapa kumpulan, iaitu strategi kognitif, memori, metakognitif, kompensasi, sosial dan afektif (lihat Nambiar 1998 untuk keterangan lebih lanjut). Setiap kumpulan ini membantu dalam proses pembelajaran. Soalan-soalan dalam soal-selidik untuk kajian ini dikategorikan sebagai 3 jenis soalan kompensasi, 5 soalan kognitif, 2 soalan metakognitif dan 2 soalan memori. Pelajar diminta menjawab soal selidik dalam kelas dan penerangan diberi apabila timbul kemosyikilan dalam kalangan mereka. Soal selidik dikutip semula selepas semua pelajar menjawabnya.

Temu bual secara tidak formal telah dijalankan secara spontan tanpa berpandukan kepada satu struktur yang ditetapkan. Justeru, penyelidik mempunyai ruang untuk mengajukan soalan-soalan dengan merujuk kepada pemerhatian rambang semasa sesi menjawab soal-selidik. Soalan-soalan yang diberikan kepada para guru tertumpu kepada kemampuan pelajar terhadap membaca dalam BI dan kesukaran-kesukaran yang dihadapi oleh para pelajar itu. Sementara itu, pelajar-pelajar pula telah ditanya mengenai kecenderungan mereka terhadap BI dan jenis teks yang dibaca.

Data daripada soal-selidik telah dianalisis dengan perisian SPSS Versi 14 untuk mengenalpasti penggunaan strategi keseluruhan oleh pelajar dari tiga buah sekolah dan pilihan strategi mengikut klasifikasi kumpulan. Perbincangan berikut akan tertumpu kepada penggunaan strategi secara keseluruhan dan seterusnya tumpuan akan diberikan kepada pilihan strategi mengikut klasifikasi kumpulan strategi. Maklumat yang dikumpul daripada temu bual tidak formal dengan pelajar dan guru akan membantu menerangkan penggunaan strategi ini.

## DAPATAN KAJIAN

### Penggunaan strategi pembelajaran

Terdapat sebanyak 12 soalan dalam soal selidik yang perlu dijawab oleh pelajar dan soalan-soalan itu dibahagikan seperti berikut: dua soalan daripada kumpulan strategi memori, lima soalan daripada kumpulan strategi kognitif, dua soalan daripada kumpulan strategi metakognitif, dan tiga soalan daripada kumpulan strategi kompensasi.

Jadual 1 Penggunaan strategi

Strategi-strategi yang digunakan	Selalu %	Biasa %	Kadang-kadang %	Tak Pernah %
<i>Kumpulan strategi memori</i>				
Gunakan gambaran untuk fahami teks BI	12.1	24.6	34.8	28.4
Baca semula teks untuk bantu pemahaman	28.3	26.7	35.6	9.5
<i>Kumpulan strategi kognitif</i>				
Membaca teks sekali imbas sebelum baca dengan teliti	19.1	22.6	42.7	15.6
Baca teks BI dengan perlahan-lahan dan teliti	28.6	34.0	32.1	5.4
Guna kamus untuk fahami perkataan BI	43.6	22.6	27.7	6.1
Berfikir dalam BM untuk fahami teks BI	33.8	25.5	23.9	16.9
Buat catatan semasa baca teks BI	8.6	9.9	42.8	38.7
<i>Kumpulan strategi metakognitif</i>				
Cuba kaitkan apa yang difahami dengan BI	18.2	28.4	38.0	15.3
Tidak hiraukan perkataan BI yang susah	8.0	22.0	50.3	19.7
<i>Kumpulan strategi kompensasi</i>				
Teka kandungan teks Bahasa Inggeris daripada tajuknya	9.3	22.5	55.3	12.9
Membaca dengan kuat apabila teks BI sukar difahami	11.8	20.4	32.8	35.0
Teka makna perkataan BI	24.5	26.1	38.5	10.8

Jadual 1 menunjukkan bahawa pelajar-pelajar menggunakan strategi untuk membantu mereka dalam pembelajaran dan terdapat beberapa strategi yang popular. Pada keseluruhannya, pelajar lebih gemar menggunakan strategi kognitif berbanding dengan strategi metakognitif dan kompensasi sementara strategi memori tidak menjadi pilihan mereka.

## Penggunaan strategi kognitif

Strategi kognitif ialah strategi yang digunakan untuk memanipulasikan bahasa sasaran ataupun aktiviti secara langsung. Pelajar-pelajar melaporkan mereka selalu atau biasa menggunakan semua strategi kognitif kecuali strategi membuat catatan semasa membaca dan membaca teks sekali imbas.

Strategi membuat catatan semasa membaca dilaporkan kadang-kadang digunakan oleh sebilangan besar pelajar (42.8%), sementara 38.7% melaporkan mereka tidak pernah menggunakan strategi ini. Strategi ini hanya digunakan selalu oleh 8.6% pelajar dan biasa digunakan oleh 9.9% pelajar sahaja. Jelas sekali pelajar tidak menganggap membuat catatan (isi kandungan yang penting) semasa membaca sebagai strategi yang wajib untuk membantu pemahaman. Hal ini mungkin kerana sistem penilaian atau peperiksaan di sekolah. Peperiksaan pada tahap Tingkatan Dua tertumpu kepada ujian jenis aneka pilihan dan para pelajar kerelevan dan keperluan membuat catatan untuk membolehkan fakta teks diingat kembali tidak terserlah. Justeru, para pelajar mungkin berpendapat bahawa dengan hanya menghafal fakta penting sudah memadai untuk memilih jawapan yang tepat.

Seramai 42.7% juga melaporkan mereka kadang-kadang membaca teks sekali imbas sebelum membaca dengan teliti, manakala 15.6% pula menyatakan mereka tidak pernah menggunakan strategi ini. Hal ini bermakna kebanyakan pelajar terus membaca teks tanpa cuba mengaktifkan skema kandungan teks itu. Kegagalan mengaktifkan skema untuk memperolehi gambaran keseluruhan teks akan disoroti oleh proses meneliti setiap perkataan yang susah. Akibatnya ialah kadar bacaan yang lempar dan terhenti-henti.

Strategi membaca teks Bahasa Inggeris (BI) dengan perlahan-lahan dan teliti selalu digunakan oleh 28.6% pelajar, sementara 34% biasa dengan penggunaan strategi ini. Sejumlah kecil (5.4%) sahaja yang melaporkan mereka tidak pernah menggunakan strategi ini.

Strategi menggunakan kamus untuk memahami perkataan BI digunakan oleh 43.6% pelajar sementara 6.1% sahaja menyatakan mereka tidak pernah menggunakan strategi ini. Memang tidak boleh dinafikan bahawa pengetahuan kosa kata amat penting dalam proses pembacaan dan jelas sekali pelajar mempunyai masaalah membaca teks BI kerana mereka tidak biasa dengan perkataan dalam teks. Justeru, mereka harus menggunakan kamus. Walau bagaimanapun, penyelidik mendapati bahawa mereka menggunakan kamus dwibahasa seperti Bahasa Melayu – Bahasa Inggeris atau Bahasa Mandarin – Bahasa Inggeris dan bukan kamus BI.

Hal ini secara tidak langsung mencerminkan kurang keyakinan pelajar dalam penggunaan BI dan mungkin juga kurang keupayaan dalam menggunakan BI sepenuhnya.

Satu lagi strategi yang popular dalam kalangan pelajar ialah strategi berfikir dalam Bahasa Melayu (BM) untuk memahami teks BI. Jikalau kita mengambil kira bahawa pelajar cenderung menggunakan kamus dwibahasa, adalah wajar bagi mereka untuk menggunakan strategi berfikir dalam BM. Seramai 33.8% pelajar melaporkan mereka selalu menggunakan strategi ini. Kemungkinan besar pelajar yang biasa dengan strategi kognitif mempunyai lebih minat terhadap bacaan dalam BI dan mereka telah menjadikan ini sebagai tabiat setiap kali membaca teks BI. Sistem pendidikan di Malaysia yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar juga menjadikan pelajar lebih fasih dan berkeyakinan bertutur dan berfikir dalam Bahasa Melayu.

### **Penggunaan strategi metakognitif**

Strategi metakognitif ialah teknik-teknik yang membantu mengatur dan merancang pembelajaran. Strategi ini membantu pelajar mengawal pembelajaran dan menolong mereka memfokus apabila terdapat pengetahuan yang baru. Dapatkan kajian menunjukkan pelajar tidak begitu gemar menggunakan strategi metakognitif.

Strategi mengaitkan apa yang diketahui dengan pengetahuan baru hanya digunakan kadang-kadang oleh 38% pelajar sementara seramai 48 pelajar atau 15.3% melaporkan mereka tidak pernah menggunakan strategi ini. Dalam masa yang sama sebanyak 50.3% melaporkan bahawa mereka juga kadang-kadang tidak menghiraukan perkataan yang susah apabila membaca teks BI. Jadual juga menunjukkan bahawa 8% pelajar selalu tidak menghiraukan perkataan yang susah, sementara seramai 22% pula biasa melakukan sedemikian. Bilangan ini agak besar dan ia sangat membimbangkan kerana para pelajar dilihat seperti tidak memberi tumpuan kepada proses pembelajaran. Ketiadaan usaha untuk memperbaiki pembaccan mereka amatlah dikesali kerana pada tahap Tingkatan Dua, para pelajar sering menemui perkataan baru dalam teks bacaan dan ini bermakna mereka juga tidak akan faham teks yang dibaca.

### **Penggunaan strategi kompensasi**

Strategi kompensasi membolehkan pelajar menggunakan bahasa dan terus belajar walaupun wujud tahap kemahiran yang rendah dalam nahu dan tatabahasa. Strategi ini membenarkan

pelajar bertutur dan menulis walaupun mereka tidak begitu fasih dengan penggunaan bahasa. Pelajar diminta melapor tentang kekerapan menggunakan strategi seperti meneka kandungan teks dari tajuknya, membaca dengan kuat apabila teks sukar difahami dan meneka makna perkataan berbantuan konteks teks.

Untuk strategi meneka kandungan teks BI daripada tajuknya, seramai 55.3% pelajar bahawa menyatakan mereka kadang-kadang menggunakan strategi ini. Bilangan separa ini menunjukkan bahawa para pelajar harus dibimbing untuk mengaplikasikan strategi ini dengan lebih kerap supaya membantu pembacaan mereka. Namun demikian, sejumlah 12.9% mengaku mereka tidak pernah menggunakan strategi ini untuk membantu mereka sebelum mula membaca teks BI. Hal ini bermaksud pelajar masih membaca teks dengan tanpa panduan dan ini mungkin mengakibatkan kefahaman yang kurang jelas ataupun salah dalam kalangan pelajar ini.

Strategi kompensasi yang sangat kurang digunakan ialah membaca dengan kuat apabila teks BI sukar difahami. Sejumlah 35% pelajar tidak pernah menggunakan strategi ini, manakala 11.8% selalu, 20.4% biasa dan 32.8% pula kadang-kadang melakukannya. Hal ini adalah dapatan yang agak berlainan memandangkan lazimnya pelajar-pelajar akan disuruh guru untuk membaca secara korus dengan kuat. Dengan itu, walaupun pelajar tidak faham apa yang dibaca, membaca dengan kuat menggambarkan seolah-olah mereka faham apa yang dibaca. Mungkin dapatan ini dapat dirujuk kepada dapatan daripada temu bual bersama pelajar. Sesi temu bual yang tidak formal menghasilkan data yang rata-ratanya menggunakan BM. Pelajar tidak dapat menggunakan BI kerana malu dan kurang keyakinan diri. Pemerhatian penyelidik kepada saiz dan keadaan kelas dan juga bilangan pelajar menjurus kepada dapatan bahawa kemungkinan juga para guru tidak gemar menggunakan strategi ini kerana faktor bising. Justeru, jikalau para guru menyedari bahawa membaca dengan kuat memberi manfaat (walaupun dengan cara yang tidak langsung), mereka harus menggalakkan aktiviti ini.

Sebilangan besar pelajar atau 50.6% melaporkan bahawa mereka biasa dan selalu menggunakan strategi meneka makna perkataan BI berbantuan teks. Namun begitu, sebilangan besar yang lain pula (49.3%) masih belum mengeksplorasi strategi itu.

### **Penggunaan strategi memori**

Strategi memori membolehkan seseorang pelajar menyimpan maklumat penting yang diperolehi semasa belajar dengan cermat. Apabila pelajar perlu menggunakan maklumat ini, strategi ini akan membolehkan mereka memperoleh semula maklumat yang diperlukan dalam teks itu.

Menggambarkan apa yang dibaca telahpun diakui oleh ramai penyelidik sebagai sesuatu yang membolehkan seorang pembaca mengingati apa yang dibaca.

Seramai 34.8% pelajar melaporkan mereka kadang-kadang menggunakan strategi membuat gambaran untuk membantu mereka memahami teks BI yang dibaca. Seramai 28.4% pelajar pula melaporkan mereka tidak pernah menggunakan strategi ini. Hal ini bermaksud seramai 63.2% masih belum faham kepentingan menggunakan strategi membuat gambaran.

Strategi membaca semula untuk membantu pemahaman teks BI juga tidak digunakan oleh kesemua pelajar. Seramai 28.3% melaporkan selalu menggunakan strategi ini sementara 26.7% biasa menggunakan strategi ini. Hal ini menunjukkan bahawa 55% daripada 315 orang pelajar selalu dan biasa menggunakan strategi membaca semula, dan 45.1% melaporkan mereka kadang-kadang dan tidak pernah menggunakan strategi ini.

Keadaan ini sangat membimbangkan kerana kedua-dua strategi ini sangat penting dalam pembacaan teks BI. Strategi membaca semula patut diamalkan oleh pelajar kerana ia dapat meningkatkan kefahaman mereka terhadap isi kandungan sebuah teks yang dibaca. Strategi menggunakan gambaran untuk memahami teks dapat mengurangkan kesukaran yang dihadapi pelajar terhadap perkataan atau konsep-konsep dalam sebuah teks. Mungkin salah satu sebab mengapa strategi-strategi itu ini tidak popular adalah kerana kurangnya pendedahan atau latihan dalam kelas. Ada kemungkinan para guru tidak memberi dorongan yang diperlukan dalam kelas.

## KESIMPULAN

Secara umumnya, boleh dikatakan penggunaan strategi dalam kalangan pelajar Tingkatan 2 di negeri Johor yang dikenal pasti sebagai responden soal selidik ini masih boleh diperkuuhkan. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa pelajar menggunakan beberapa strategi walaupun mereka tidak selalu menggunakan, atau biasa dengan penggunaan strategi ini. Terdapat juga beberapa strategi seperti strategi memori - membuat gambaran untuk membantu kefahaman teks; strategi kognitif – membuat catatan semasa membaca; strategi kompensasi – membaca dengan kuat apabila teks sukar difahami yang tidak pernah digunakan oleh pelajar. Di antara strategi yang popular pula ialah strategi memori, yakni membaca semula teks dan strategi kognitif, iaitu menggunakan kamus dan berfikir dalam Bahasa Melayu untuk memahami teks Bahasa Inggeris. Ramai pelajar melaporkan mereka selalu atau biasa menggunakan strategi ini.

Kajian ini mendapati beberapa kemungkinan yang dapat menerangkan fenomena ini. Pada amnya, strategi yang tidak memerlukan pemerosesan analitis dan pertimbangan lebih digemari pelajar. Dapatkan ini sangat penting kerana pada peringkat sekolah menengah, pelajar akan beralih daripada sistem peperiksaan berfokus soalan aneka pilihan (*multiple choice questions* atau MCQ) kepada soalan-soalan terbuka (*open-ended questions*) dan soalan-soalan inferensi. Oleh demikian, pelajar perlu didedahkan dan digalakkan menggunakan strategi kognitif (imej visual, mencatat nota) supaya mereka dapat mencapai tahap belajar secara autonomi dan berfikir lebih efisien.

Satu perkara yang harus dititikberatkan dan disedari oleh pelajar ialah walaupun membaca dengan kritis itu penting untuk pembelajaran di sekolah, ia adalah pra-syarat untuk berjaya pada tahap pengajian tinggi, iaitu di universiti. Di institut pengajian tinggi, pelajar harus mempunyai sikap autonomi dan ini bermakna membaca teks dan makalah yang panjang dan seterusnya mensintesikan teks berkenaan untuk tujuan-tujuan tertentu. Justeru, jikalau para pelajar mempunyai kemahiran dalam membaca dan kefahaman, tahap berdikari dan autonomi tidak sukar dicapai. Namun begitu, pada peringkat menjana kejayaan ini, usaha padu daripada pihak sekolah, ibu bapa dan masyarakat sangat diperlukan.

Atas kesedaran bahawa pihak sekolah boleh memainkan peranan secara terarah, para guru digalakkan meluangkan masa untuk berusaha mengajar para pelajar pelbagai strategi melalui penggunaan contoh atau model untuk memproses teks. Para ibu bapa pula dapat memantapkan pembacaan pelajar dengan menyediakan pelbagai teks dan genre di rumah supaya pelajar secara langsung atau tidak langsung melatih dan membiasakan diri mereka untuk menggunakan strategi. Di sekolah pula, para pendidik harus menyediakan kepelbagaiannya dalam aktiviti-aktiviti khususnya dalam Bahasa Inggeris supaya penggunaan dapat diketengahkan dan menjadi sesuatu yang tidak asing bagi pelajar. Apabila penggunaan BI sebatی dengan mereka, pelajar akan sekaligus mengecapi manfaat yang ada daripada penguasaan dua bahasa. Namun begitu, jikalau kaedah pengajaran tidak menarik atau menyeronokkan, subjek BI akan tenggelam begitu sahaja. Di sebaliknya, jikalau para guru dapat menyajikan aktiviti-aktiviti yang mencabar dan menyeronokkan sesuai dengan tahap dan umur pelajar, sesungguhnya para pelajar akan berjaya.

Sebagai penutup, persoalan yang genting adalah pada tahap tingkatan dua sewaktu minda pelajar-pelajar ini sepatutnya masih teruja untuk ingin tahu, mengapakah strategi-strategi tidak

dapat diaktifkan secara semula jadi? Seterusnya dapatkah sekolah-sekolah merangka lebih banyak aktiviti yang dapat merangsang dan menguja aspek kognitif dalam proses pembelajaran terutamanya dalam proses membaca?

### Penghargaan

Makalah ini adalah hasil Penyelidikan SK1/2006 dana Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

### RUJUKAN

- Aebersold J.A. & Field M.L. 1997. *From reader to reading teacher – Issues and strategies for the second language classroom*. Cambridge: CUP.
- Atan Long, Ghazali Othman, Mohd, Yunus Mohd. Nor, Zainal ABidin Ahmad, Mohd. Noor Abdullah & Yoong Suan. 1984. *A survey of the reading habits and interests of Malaysian people*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Block, E. 1986. The comprehension strategies of second language readers. *TESOL Quarterly* 20(3): 463-493.
- Cairney, T. 1990. *Teaching reading comprehension*. Milton Keynes: Open University Press.
- Chapman, K. 2006. 20,000 Year Six pupils can't read or write well. *The Star*. October 23.
- Cohen, A.D. 1998. *Strategies in learning and using a second language*. Harlow: Longman.
- Della, C. 1998. The reading strategies of MBA students: A qualitative investigation. Tesis MA tidak diterbitkan. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Ganakumaran S, Koo Y. L. & Shahizah Ismail. 2003. Pedagogical implications of the incorporation of the literature component in the Malaysian ESL syllabus. Dlm. Ganakumaran S. (Pnyt.). *Teaching of Literature in the ESL/EFL contexts*. Petaling Jaya: Sasbadi.
- Hosenfeld, C. 1977. A preliminary investigation of the reading strategies of successful and nonsuccessful second language learners, *System*. 5 (2): 110-123.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2007. *Merapatkan Jurang Pendidikan*. Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010. (Atas talian). [http://www.moe.gov.my/galeri\\_awam\\_manual](http://www.moe.gov.my/galeri_awam_manual). (20 Oktober 2007).
- Nambiar, R. 1998. *Learning strategies: A Malaysian perspective*. Monograph. Faculty of Language Studies. UKM.
- Nambiar, R. 2005. Language learning and language use strategies for academic literacy: Towards a theoretical and pedagogical model of language learning. Tesis PhD tidak diterbitkan. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Noraini Ibrahim. 1998. *Reading legal cases. An ethnographic inquiry*. Monograph. Faculty of Language Studies. UKM.

- Oxford, R.L. 1990. *Language learning strategies: What every teacher should know.* New York: Newbury House Publishers.
- Pandian, A. 1997. *Reading in Malaysia.* Bangi: Penerbit UKM.
- Perpustakaan Negara Malaysia. 1996. *Reading Profile of Malaysians.* Kuala Lumpur.
- Sarjit Kaur & Rosy Thiagarajah. 1999. The English reading habits of ELLS students in Universiti Sains Malaysia. Kertas kerja dibentangkan dalam Persidangan LERN di Pulau Pinang, Malaysia, pada 27 – 30 September.
- Urquhart, A. H. & Weir, C. J. 1998. *Reading in a second language: Process, product and experience.* London: Longman.
- Wallace, C. 1988. *Learning to read in a multicultural society: The social context of second language literacy.* New York: Prentice Hall.
- Wallace, C. 1992. *Reading.* Oxford: OUP.

Radha Nambiar, Noraini Ibrahim & Pramela Krish  
Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi, Selangor  
Malaysia

*Emel:* rads@ukm.my

*Emel:* nib@ukm.my

*Emel:* pramela@ukm.my